



Sultan Hassanal Bolkiah bergambar bersama Anwar dan delegasi Malaysia serta Brunei selepas menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman dan instrumen dua hala Malaysia-Brunei di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia, Brunei eratkan kerjasama

PM tegaskan hubungan baik mampu beri impak lebih berkesan kepada kedua-dua negara

Bandar Seri Begawan: Rundingan Pemimpin Tahunan Ke-25 Malaysia dan Brunei di Istana Nurul Iman, semalam berjaya meningkatkan hubungan kerjasama antara kedua-dua negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha meneruskan hubungan baik Malaysia dan Brunei, kerajaan tidak boleh menafikan peranan pemimpin terdahulu untuk mengekalkan jalinan itu.

Bagaimanapun dalam meneruskan kerjasama itu, beliau berkata kerajaan mempunyai pendekatan berbeza untuk memastikan hubungan Malaysia dengan Brunei mampu memberi impak lebih berkesan kepada kedua-dua negara.

"Ada dua aspek, satu ialah kita bertekad untuk meningkatkan hubungan itu dalam semua bidang yang mungkin, dan kedua adalah kita mempunyai pendekatan agak berganjak daripada pendekatan dahulu.

"Kita meminta hubungan langsung dalam beberapa aspek walaupun tertakluk kepada keputusan muktamad (Kerajaan) Persekutuan, antaranya hubungan langsung antara Brunei, Sabah dan Sarawak.

"Ini pendekatan praktikal kerana di sempadan juga (ada) keperluan untuk ditingkatkan hu-

bugan pengangkutan dan pelancongan, (agar ia) boleh dimanfaatkan oleh Brunei serta Malaysia," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Selain itu, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor; dan Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Terdahulu, Anwar yang menghadiri rundingan itu, menghadap Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, serta mengadakan pertemuan empat mata di Istana Nurul Iman, di sini.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Brunei bersetuju meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk pelancongan, pendidikan, pelaburan, sastera, teknologi dan ketenteraan.

"Saya juga akan menghubungi Kerajaan Sarawak dan Sabah supaya kerjasama (dari) segi ini yang mencakupi beberapa bidang lain itu juga dapat ditingkatkan.

"Antara dipersetujui ialah kerjasama dalam bidang pelancongan, terutama Brunei, Sabah dan Sarawak," katanya.

Berhubung bidang pendidikan dan pendidikan tinggi pula, Anwar berkata, beberapa perkara telah dirunding bagi melaksanakan pelbagai program kerjasama.

Antaranya ialah pertukaran profesor, pensyarah, pelajar dan mahasiswa, selain meneroka kerjasama dalam bidang kajian.

Beliau berkata, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) di Malaysia juga bersetuju membantu Brunei dalam

memberi latihan kepimpinan pengajian tinggi, selain membantu meningkatkan tahap kecemerlangan institusi pengajian tinggi (IPT) di negara itu.

IKTBN tawar program

Selain itu, Perdana Menteri berkata, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) akan menawarkan program latihan kenderaan elektrik (EV) kepada belia dari Brunei.

Katanya, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pula akan memperkasakan kerjasama dengan Brunei dalam bidang bahasa Melayu.

Beliau berkata, kerjasama latihan lain termasuklah dalam bidang baharu peralihan tenaga, digital dan semi konduktor.

"Kita memberi jaminan kerjasama untuk mendapatkan penyertaan anak muda Brunei melalui keupayaan kita," katanya.

Dalam pada itu, Anwar menjunjung kasih kepada Sultan Hassanal Bolkiah atas kerjasama serta sokongan diberikan kepada Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dalam carigali dan pengeluaran minyak serta gas di Brunei.

"Ia adalah suatu pendekatan yang hanya mungkin berlaku apabila dua negara ini bersahabat akrab," katanya.

Perdana Menteri tiba di sini, kelmarin untuk lawatan kerja dua hari sempena Rundingan Pemimpin Tahunan Ke-25 Malaysia dan Brunei, iaitu satu mekanisme peringkat tertinggi dalam hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri juga berkata keakraban secara peribadi yang ditunjukkan Sultan Hassanal Bolkiah cukup bermakna, dan akan dijaga sebaiknya bagi memupuk hubungan lebih erat antara Malaysia dan Brunei.

BERNAMA